



SIARAN MEDIA
PRESS RELEASE

KEMPEN *GO GREEN* JPA4U

Sungai Petani, 9 November 2014 – Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam sebentar tadi telah melancarkan Kempen *Go Green* JPA4U di INTAN Kampus Wilayah Utara (INTURA). Kempen peringkat Jabatan Perkhidmatan Awam bertemakan “Wilayah Lestari: Ke Arah Gaya Hidup Hijau” ini adalah bertepatan dengan Teras Keempat Kerangka Transformasi Perkhidmatan Awam ialah menjalinkan kerjasama dan penglibatan awam-swasta-NGO bagi melahirkan Perkhidmatan Awam yang berprestasi tinggi dan berjiwa rakyat.

Zabidi berkata, Kempen *Go-Green* ini adalah bersempena dengan Hari Kitar Semula Kebangsaan yang disambut pada 11 November akan memberikan kesedaran berterusan tentang peri pentingnya menghargai alam sekitar dengan mewujudkan persekitaran yang lebih mesra alam melalui aktiviti kitar semula. Sebanyak 30 tong kitar semula akan diedarkan kepada sekolah, pejabat Kerajaan, premis swasta dan NGO di sekitar Sungai Petani bagi menyokong Kempen *Go Green* JPA4U ini.

Orang ramai yang ingin menyumbang bahan-bahan kitar semula seperti kertas, kaca, tin aluminium dan plastik bolehlah menghubungi Dr. Zurina Binti Abdul Hamid di talian 019-9810260.

###

Unit Korporat dan Antarabangsa
Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Tel: 03 2084 7205
Emel: korporat@intanbk.intan.my

9 November 2014